Sila baca Arahan & Langkah-Langkah Keselamatan dengan teliti sebelum menggunakan.

Harap maklum bahawa jaminan Samsung TIDAK merangkumi khidmat panggilan untuk menerangkan operasi produk, membetulkan pemasangan yang tidak betul, atau melakukan pembersihan atau penyenggaraan biasa.

SOALAN ATAU KOMEN

NEGARA	HUBUNGI	ATAU LAWATI KAMI DI
AUSTRALIA	1300 362 603	www.samsung.com/at/support
NEW ZEALAND	0800 726 786	www.samsung.com/nz/support
CHINA	400-810-5858	www.samsung.com/cn/support
HONG KONG	(852) 3698 4698	www.samsung.com/hk/support (Chinese) www.samsung.com/hk_en/support (English)
INDIA	1800 3000 8282 - Toll Free 1800 266 8282 - Toll Free	www.samsung.com/in/support
BANGLADESH	09612300300	www.samsung.com/in/support
INDONESIA	021-56997777 08001128888	www.samsung.com/id/support
JAPAN	0120-363-905	www.samsung.com/jp/support
MALAYSIA	1800-88-9999 603-77137477 (Overseas contact)	www.samsung.com/my/support
PHILIPPINES	1-800-10-7267864 [PLDT] 1-800-8-7267864 [Globe landline and Mobile] 02-4222111 [Other landline]	www.samsung.com/ph/support
SINGAPORE	1800-SAMSUNG(726-7864)	www.samsung.com/sg/support
THAILAND	0-2689-3232, 1800-29-3232	www.samsung.com/th/support
TAIWAN	0800-329999	www.samsung.com/tw/support
VIETNAM	1800 588 889	www.samsung.com/vn/support
MACAU	0800 333	www.samsung.com/support
MYANMAR	+95-01-2399-888	
SRI LANKA	94117540540	

DE68-04322G-00

Ketuhar Gelombang Mikro

Manual pengguna

MG28J5255**



Kandungan

Menggunakan panduan pengguna ini

Anda baru sahaja membeli ketuhar gelombang mikro SAMSUNG. Panduan Pemilik anda mengandungi maklumat yang berguna mengenai cara memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro anda:

- Langkah-langkah keselamatan
- Aksesori dan perkakas memasak yang sesuai
- Petua memasak yang berguna
- Petua memasak

Simbol-simbol berikut digunakan di dalam Manual Pengguna ini:

⚠ AMARAN

Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang teruk atau kematian**.

⚠ AWAS

Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang tidak serius atau kerosakan harta benda**.

NOTA

Petua-petua, saranan, atau maklumat berguna yang membantu pengguna memanipulasikan produk.

Arahan keselamatan

ARAHAN KESELAMATAN PENTING

BACA DENGAN TELITI DAN SIMPAN UNTUK RUJUKAN PADA MASA HADAPAN.

PASTIKAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN INI DIPATUHI SEPANJANG MASA.

SEBELUM MENGGUNAKAN KETUHAR, PASTIKAN ARAHAN BERIKUT DIIKUTI.

Fungsi gelombang mikro sahaja

AMARAN: Jika pintu atau kedap pintu rosak, ketuhar tidak boleh dikendalikan sehingga ia telah dibaiki oleh orang yang cekap.

AMARAN: Adalah merbahaya bagi seseorang yang tidak cekap menjalankan sebarang servis atau operasi pembaikan yang melibatkan kerja menanggalkan penutup yang memberi perlindungan daripada pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.

AMARAN: Cecair dan makanan lain tidak boleh dipanaskan di dalam bekas yang di kedap kerana ia boleh meletup.

Alat ini bertujuan untuk digunakan dalam rumah sahaja dan ia tidak bertujuan untuk digunakan seperti:

- kawasan kakitangan dapur di dalam kedai, pejabat dan persekitaran bekerja yang lain;
- rumah ladang;
- oleh klien di hotel, motel dan persekitaran penginapan yang lain;
- persekitaran jenis inap-sarapan;

AMARAN: Hanya benarkan kanak-kanak menggunakan ketuhar tanpa penyeliaan apabila arahan yang mencukupi telah diberikan supaya kanak-kanak tersebut boleh menggunakan ketuhar dengan cara yang selamat dan memahami bahaya penggunaan yang tidak betul.

Arahan keselamatan

AMARAN: Alat ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berusia 8 tahun ke atas dan orang-orang yang kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental atau kurang pengalaman dan pengetahuan jika mereka telah diselia atau diberi arahan mengenai penggunaan alat dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang terlibat. Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan alat ini. Kanak-kanak tidak sepatutnya melakukan pembersihan dan penyenggaraan pengguna melainkan mereka berusia daripada 8 tahun ke atas dan diawasi.

Hanya gunakan perkakas dapur yang sesuai untuk digunakan dalam ketuhar gelombang mikro.

Apabila memanaskan makanan dalam bekas plastik atau kertas, perhatikan ketuhar untuk mengesan kemungkinan pencetusan bunga api.

Ketuhar gelombang mikro dimaksudkan untuk pemanasan makanan dan minuman. Pengeringan makanan atau pakaian dan pemanasan pad penghangat, selipar, span, kain lembap dan yang seakan-akan sama boleh menyebabkan risiko kecederaan, penyalaan atau kebakaran.

Jika asap dikeluarkan (diperhatikan), matikan atau cabut palam alat dan pastikan pintu ketuhar ditutup untuk mematikan api.

AMARAN: Memanaskan minuman menggunakan gelombang mikro boleh mengakibatkan pendidihan meluap tertunda, oleh itu pastikan anda berhati-hati apabila memegang bekas.

AMARAN: Kandungan botol makanan bayi dan balang makanan bayi harus dikacau atau di goncang dan suhunya diperiksa sebelum makanan dimakan, bagi mengelakkan luka terbakar.

Telur dalam kulitnya dan telur rebus tidak harus dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro oleh kerana ia boleh meletup, walaupun setelah pemanasan gelombang mikro telah selesai.

Ketuhar harus dibersihkan dengan tetap dan sebarang cebisan makanan ditanggalkan.

Kegagalan mengekalkan ketuhar dalam keadaan yang bersih boleh mengakibatkan kerosakan pada permukaannya yang boleh memendekkan hayat peralatan ini dan mungkin mengakibatkan situasi yang berbahaya.

Alat ini tidak dimaksudkan untuk dipasang di dalam kenderaan jalan raya, karavan, dan kenderaan-kenderaan yang serupa dll.

Alat ini bukan untuk digunakan oleh orang-orang (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai keupayaan fizikal, sensori atau mental yang kurang, atau tidak berpengalaman dan berpengetahuan, kecuali mereka telah diberikan penyeliaan atau arahan tentang penggunaan alat ini oleh orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan mereka.

Kanak-kanak harus diselia bagi memastikan mereka tidak bermain dengan alat ini.

Jika kord bekalan rosak, ia mesti diganti oleh pengilang, ejen perkhidmatannya atau orang-orang yang sama berkelayakan bagi mengelakkan bahaya.

Alat ini tidak sepatutnya dibersihkan dengan pancutan air.

Ketuhar ini mesti diletakkan mengadap arah dan ketinggian yang betul yang membenarkan capaian mudah pada rongga dan kawasan kawalan.

Sebelum menggunakan ketuhar anda buat kali pertama, ketuhar harus dikendalikan bersama air selama 10 minit dan kemudian baru digunakan.

Jika ketuhar ini mengeluarkan bunyi bising, bau terbakar atau mengeluarkan asap, cabut palam kuasa dengan segera dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Ketuhar gelombang mikro harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya palamnya mudah dicapai.

Ketuhar gelombang mikro ini dimaksudkan untuk digunakan di atas kaunter (bebas) sahaja, ketuhar gelombang mikro ini tidak harus diletakkan di atas kabinet.

Arahan keselamatan

Fungsi ketuhar sahaja - Pilihan

AMARAN: Apabila alat dikendalikan dalam mod kombinasi, kanak-kanak hanya boleh menggunakan ketuhar di bawah penyeliaan orang dewasa kerana suhu yang dijana.

Semasa digunakan, alat ini menjadi panas. Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas di dalam ketuhar.

AMARAN: Bahagian-bahagian yang boleh dicapai akan menjadi panas semasa digunakan. Kanak-kanak kecil tidak harus mendekati ketuhar.

Pembersih wap tidak boleh digunakan.

AMARAN: Pastikan alat ini dimatikan sebelum menggantikan lampu bagi mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik.

Jangan gunakan pembersih kasar yang kuat atau pengerik logam yang tajam untuk membersihkan kaca pintu ketuhar kerana ia boleh mencalarkan permukaannya, yang boleh mengakibatkan kaca itu pecah.

AMARAN: Alat dan bahagian alat yang boleh dicapai menjadi panas semasa penggunaan.

Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas.

Kanak-kanak berusia kurang daripada 8 tahun seharusnya dijauhkan melainkan sentiasa diselia.

Alat ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berusia 8 tahun ke atas dan orang-orang yang kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental atau kurang pengalaman dan pengetahuan jika mereka telah diselia atau diberi arahan mengenai penggunaan alat dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang terlibat. Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan alat ini. Pembersihan dan penyelenggaraan pengguna tidak seharusnya dilakukan oleh kanak-kanak tanpa seliaan.

Suhu permukaan boleh dicapai mungkin tinggi semasa alat sedang beroperasi.

Pintu atau permukaan luar mungkin menjadi panas semasa alat sedang beroperasi.

Jauhkan alat dan kordnya daripada capaian kanak-kanak berusia kurang daripada 8 tahun.

Alat-alat tidak dimaksudkan untuk dikendalikan dengan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh berasingan.

Keselamatan umum

⚠ AMARAN

Hanya kakitangan berkelayakan patut dibenarkan untuk mengubahsuai atau memperbaiki alat.

Jangan panaskan cecair atau makanan lain dalam bekas yang dikedap menggunakan fungsi gelombang mikro.

Untuk keselamatan anda, jangan gunakan pembersih air tekanan tinggi atau pembersih jet wap.

Jangan pasang alat ini; berdekatan pemanas, bahan mudah terbakar, di lokasi yang lembap, berminyak dan berhabuk, di lokasi yang terdedah kepada sinaran cahaya matahari dan air atau di mana kebocoran gas boleh berlaku; atau tapak yang tidak rata.

Alat ini mesti dibumikan dengan betul menurut kod-kod tempatan dan antarabangsa.

Hilangkan semua bahan-bahan asing seperti habuk atau air dari terminal-terminal palam kuasa dan titik sentuhan menggunakan kain kering dengan kerap.

Jangan tarik atau terlalu bengkokkan atau letakkan objek berat atas kord kuasa.

Sekiranya berlaku kebocoran gas (seperti gas propana, gas LP, dll), alih udara dengan segera tanpa menyentuh palam kuasa.

Jangan sentuh palam kuasa dengan tangan yang basah.

Jangan matikan alat ini dengan mencabut palam kuasa semasa ia sedang beroperasi.

Jangan masukkan jari atau benda asing. Jika sebarang benda asing seperti air memasuki alat ini, cabut palam kuasa dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Jangan kenakan tekanan atau hentaman berlebihan pada alat.

Jangan letakkan ketuhar ini di atas benda yang mudah pecah seperti singki atau benda kaca.

Jangan gunakan benzena, pencair, alkohol, pembersih wap atau pembersih tekanan tinggi untuk membersihkan alat ini.

Pastikan bahawa voltan kuasa, frekuensi dan arus adalah sama seperti spesifikasi produk.

Pasang palam kuasa pada soket dinding dengan kukuh. Jangan gunakan penyesuai berbilang palam, kord pemanjang atau pengubah elektrik.

Jangan sangkutkan kord kuasa pada objek logam, masukkan kord kuasa di antara objek atau di belakang ketuhar.

Jangan gunakan palam kuasa yang rosak, kord kuasa yang rosak atau soket dinding yang longgar. Apabila palam kuasa atau kord kuasa rosak, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Jangan tuang atau sembur air pada ketuhar.

Jangan letakkan objek atas ketuhar, di dalam atau di pintu ketuhar.

Jangan semburkan bahan meruap seperti ubat serangga pada permukaan ketuhar.

Jangan simpan bahan-bahan mudah terbakar di dalam ketuhar. Berhati-hati semasa memanaskan masakan atau minuman yang mengandungi alkohol kerana wap alkohol boleh terkena bahagian ketuhar yang panas.

Jauhkan kanak-kanak daripada pintu apabila membuka atau menutupnya kerana mereka mungkin terlanggar pintu atau tersepit jari pada pintu.

AMARAN: Pemanasan minuman menggunakan gelombang mikro boleh menyebabkan pendidihan letusan lewat; oleh itu anda harus berhati-hati apabila mengendalikan bekas; Untuk mencegah situasi ini SENTIASA beri masa biar sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan supaya suhu boleh menjadi sama rata. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan.

Sekiranya kulit anda melecur, ikut arahan PERTOLONGAN CEMAS berikut:

- Rendam bahagian yang melecur dalam air sejuk selama sekurang-kurangnya 10 minit.
- Balut dengan pembalut yang bersih dan kering.
- Jangan sapu sebarang krim, minyak atau losen.

Jangan masukkan dulang atau rak ke dalam air sejurus selepas memasak kerana ia boleh menyebabkan dulang atau rak retak atau rosak.

Jangan kendalikan ketuhar gelombang mikro untuk menggoreng dengan minyak yang banyak kerana suhu minyak tidak boleh dikawal. Ini boleh menyebabkan cecair yang panas itu mendidih berlebihan.

⚠ AWAS

Hanya gunakan perkakas yang sesuai untuk digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro; JANGAN gunakan sebarang bekas logam, Pinggan mangkuk makan malam dengan kemasan emas atau perak, Pencucuk, garpu, dll.

Tanggalkan ikatan pintal dawai dari beg kertas atau plastik.

Sebab: Pengarkaan atau pencucuhan elektrik boleh berlaku dan boleh merosakkan ketuhar.

Jangan gunakan ketuhar gelombang mikro untuk mengeringkan kertas atau kain.

Gunakan masa yang lebih singkat untuk makanan yang sedikit bagi mengelakkan pemanasan berlebihan dan menghanguskan makanan.

Jangan rendam kabel kuasa atau palam kuasa di dalam air dan jauhkan kabel kuasa dari haba.

Telur dalam kulitnya dan telur rebus tidak harus dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro oleh kerana ia boleh meletup, walaupun setelah pemanasan gelombang mikro selesai; Selain itu, jangan panaskan botol kedap udara atau dikedap vakum, balang, bekas, kacang dalam kulit, tomato, dll.

Jangan tutup lubang-lubang alur pengalihan udara dengan kain atau kertas. Ia boleh terbakar semasa udara panas keluar dari ketuhar. Ketuhar juga boleh menjadi terlalu panas dan dimatikan secara automatik, dan akan kekal dimatikan sehingga ia telah sejuk secukupnya.

Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila mengeluarkan bekas dari ketuhar untuk mengelakkan luka terbakar yang tidak disengajakan.

Kacau cecair separuh masa semasa memanas atau selepas pemanasan tamat dan biarkan cecair sekurang-sekurangnya 20 saat selepas pemanasan untuk mencegah didihan yang membuak-buak.

Berdiri sejauh kira-kira dua kaki dari ketuhar apabila membuka pintunya untuk mengelakkan melecur disebabkan udara atau wap panas yang keluar.

Jangan kendalikan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong. Ketuhar gelombang mikro akan dimatikan secara automatik selama 30 minit untuk tujuan keselamatan. Kami menyarankan meletakkan segelas air di dalam ketuhar sepanjang masa untuk menyerap gelombang mikro jika ketuhar gelombang mikro dihidupkan secara tidak sengaja.

Pasang ketuhar dengan mematuhi kelulusan yang dinyatakan di dalam manual ini.
(Lihat memasang ketuhar gelombang mikro anda.)

Berhati-hati semasa menyambung peralatan elektrik lain pada soket berhampiran ketuhar.

Arahan keselamatan

Langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kemungkinan pendedahan pada tenaga gelombang mikro yang melampau. (Fungsi gelombang mikro sahaja)

Kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan berikut boleh mengakibatkan pendedahan kepada tenaga gelombang mikro yang memudaratkan.

A. Dalam apa keadaan sekalipun, jangan sekali-kali cuba mengendalikan ketuhar dengan pintunya terbuka atau mengusik saling kunci keselamatan (selak pintu) atau memasukkan sesuatu benda ke dalam lubang saling kunci keselamatan.

B. JANGAN letakkan sebarang objek di antara pintu ketuhar dengan muka depan atau membiarkan sisa makanan atau bahan pembersih terkumpul pada permukaan kedap. Pastikan pintu dan permukaan kedap pintu sentiasa bersih dengan mengelapnya selepas digunakan mula-mula dengan kain lembap dan kemudian dengan kain kering yang lembut.

C. JANGAN kendalikan ketuhar jika ia rosak sehingga ia telah dibaiki oleh juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pembuat. Adalah penting sekali pintu ketuhar ditutup dengan betul dan tiada kerosakan pada:

1) pintu (bengkok)

2) engsel pintu (pecah atau longgar)

3) kedap pintu dan permukaan kedap

D. Ketuhar tidak harus dilaras atau dibaiki oleh sesiapa pun kecuali juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan dan dilatih oleh pembuat.

Samsung akan mengenakan caj pembaikan bagi menggantikan aksesori atau memperbaiki kecacatan kosmetik sekiranya kerosakan unit dan/atau kerosakan atau kehilangan aksesori disebabkan oleh pelanggan. Item bagi syarat ini merangkumi termasuk:

A. Pintu, pemegang, panel luar atau panel kawal yang lekuk, calar atau rosak.

B. Tray, roda pandu, pengganding atau rak wayar yang rosak atau hilang.


- Gunakan alat ini hanya untuk tujuan yang dimaksudkan seperti yang diterangkan di dalam manual arahan ini. Amaran dan Arahan Keselamatan di dalam buku panduan ini tidak merangkumi semua keadaan dan situasi yang boleh berlaku. Anda bertanggungjawab untuk menggunakan akal, berwaspada dan berhati-hati semasa memasang, menyelenggarakan dan mengendalikan perkakas anda.
- Oleh kerana arahan pengendalian berikut meliputi pelbagai model, ciri ketuhar gelombang mikro anda mungkin berbeza sedikit daripada yang diterangkan di dalam manual ini dan bukan semua tanda-tanda amaran boleh digunakan. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau keprihatinan, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda atau dapatkan bantuan dan maklumat dalam talian di www.samsung.com.
- Ketuhar gelombang mikro ini seharusnya digunakan untuk memanaskan makanan. Ianya bertujuan untuk kegunaan rumah domestik sahaja. Jangan panaskan apa-apa jenis tekstil atau kusyen yang diisi dengan bijian, yang boleh menyebabkan melecur dan kebakaran. Pengilang tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan alat yang tidak sesuai atau tidak betul.
- Kegagalan mengekalkan ketuhar dalam keadaan yang bersih boleh mengakibatkan kerosakan pada permukaannya yang boleh memendekkan hayat alat ini dan mungkin mengakibatkan situasi yang berbahaya.

MG28J5255US_SM_DE68-04322G-00_MS.indd 12 2/26/2015 4:53:08 PM

Pemasangan


Aksesori

Bergantung kepada model yang telah anda beli, anda diberikan beberapa aksesori yang boleh digunakan dengan pelbagai cara.




01 Gelang roda, perlu diletakkan di tengah-tengah ketuhar.

Tujuan: Gelang roda menyokong pinggan putar.




02 Pinggan putar, perlu diletakkan pada gelang roda dengan bahagian tengahnya terpasang pada pengganding.

Tujuan: Pinggan putar berfungsi sebagai permukaan memasak utama; ia boleh dikeluarkan dengan mudah untuk dibersihkan.



03 Rak gril, perlu diletakkan di atas pinggan putar.


Tujuan: Rak-rak logam boleh digunakan dalam gril dan proses memasak kombinasi.



04 Pengukus kaca lihat halaman 36.

Tujuan: Pengukus kaca semasa menggunakan fungsi stim sihat.

Pemasangan



05 Mangkuk pemanasan pinggan

lihat halaman 39 ke 42.

Tujuan: Mangkuk pemanasan pinggan semasa menggunakan fungsi pemanasan pinggan dalam mod pemanasan.

☛ **PENTING**

JANGAN kendalikan ketuhar gelombang mikro tanpa gelang pengguling dan pinggan putar.

☛ **PENTING**

JANGAN kendalikan mod **Gril** dan **Kombi** dengan pengukus Kaca.


Mod Operasi	MW	GRIL / KOMBI
Pengukus kaca	**O**	**X**

☛ **PENTING**

JANGAN kendalikan mod **Gelombang Mikro**, **Gril** dan **Kombi** dengan mangkuk pemanasan pinggan. Hanya gunakan fungsi pemanasan pinggan dalam mod Pemanasan.


Mod Operasi	Mod Pemanasan	MW / GRIL / KOMBI
Mangkuk pemanasan pinggan	**O**	**X**

Kawasan pemasangan



- Pilih permukaan rata, mendatar sekitar 85 sm atas lantai. Permukaan itu mestilah menyokong berat ketuhar.
- Bilik yang selamat untuk pengudaraan, sekurang-kurangnya 10 sm daripada dinding belakang dan kedua-dua tepi, dan 20 sm daripada atas.
- Jangan pasang ketuhar dalam persekitaran yang panas atau lembap, seperti di sebelah penyinar atau ketuhar gelombang mikro lain.
- Mematuhi spesifikasi bekalan kuasa ketuhar ini. Hanya gunakan kabel sambungan jika anda perlu menggunakannya.
- Lap bahagian dalam dan pengadang pintu dengan kain yang lembap sebelum menggunakan ketuhar anda buat pertama kali.

Piring putar



Buang semua bahan pembungkusan dari bahagian dalam ketuhar. Pasang gelang pengguling dan pinggan putar. Periksa bagi memastikan pinggan putar berputar dengan bebas.

Penyelenggaraan

Pembersihan


Bersihkan ketuhar dengan kerap untuk mengelakkan kotoran daripada terkumpul pada atau di dalam ketuhar. Turut berikan perhatian khusus pada pintu, pengadang pintu, dan pinggan putar serta gelang roda (model berkenaan sahaja).

Jika pintu tidak terbuka dan tertutup dengan lancar, periksa dahulu jika pengadang pintu telah mengumpulkan kotoran. Gunakan kain lembut dalam air sabun untuk membersihkan kedua-dua bahagian dalam dan luar ketuhar. Bilas dan keringkan.

Untuk membuang kotoran degil dengan bau busuk daripada bahagian dalam ketuhar

1. Dengan ketuhar yang kosong, letakkan secawan jus lemon yang dicairkan di tengah pinggan putar.
2. Panaskan ketuhar selama 10 minit pada kuasa maks.
3. Apabila kitaran lengkap, tunggu sehingga ketuhar menyejuk. Kemudian, buka pintu dan bersihkan ruang memasak.

Untuk membersihkan bahagian dalam model pemanas-berputar



Untuk membersihkan kawasan atas ruang memasak, rendahkan elemen pemanasan atas sebanyak 45° seperti yang ditunjukkan. Ini akan membantu membersihkan kawasan atas. Apabila selesai, letakkan semula elemen pemanasan atas.

⚠ AWAS

- Pastikan pintu dan pengadang pintu bersih dan pastikan pintu terbuka dan tertutup dengan lancar. Jika tidak, kitar hidup ketuhar akan pendek.
- Ambil langkah berjaga-jaga untuk tidak menumpahkan air ke dalam pengudaraan ketuhar.
- Jangan gunakan sebarang bahan kimia atau pelelas untuk pembersihan.
- Selepas setiap penggunaan ketuhar, gunakan bahan pencuci lembut untuk membersihkan ruang memasak selepas menunggu ketuhar untuk menyejuk.

Penggantian (pembaikan)

⚠ AMARAN


Ketuhar ini tidak mempunyai bahagian boleh alih-pengguna di dalam. Jangan cuba untuk menggantikan atau membaiki ketuhar sendiri.

- Jika anda menghadapi masalah dengan engsel, pengadang, dan/atau pintu, hubungi juruteknik bertauliah atau pusat perkhidmatan Samsung setempat untuk mendapatkan bantuan teknikal.
- Jika anda mahu menggantikan mentol lampu, hubungi pusat perkhidmatan Samsung setempat. Jangan menggantikan ia sendiri.
- Jika anda menghadapi masalah dengan perumah luar ketuhar, cabut palam kod kuasa daripada sumber kuasa, dan kemudian hubungi pusat perkhidmatan Samsung setempat.

Penjagaan terhadap tempoh panjang tidak digunakan

- Jika anda tidak menggunakan ketuhar untuk tempoh yang panjang, cabut palam daripada kod kuasa dan alihkan ketuhar ke lokasi yang kering, bebas habuk. Habuk dan lembapan yang terbina di dalam ketuhar mungkin menjejaskan prestasi ketuhar.

Panduan carian cepat




Jika anda mahu memasak makanan.

Letakkan makanan itu di dalam ketuhar.
Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.

<u>**Hasil:**</u> Proses memasak bermula. Apabila ia selesai:

1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
3) Masa semasa dipaparkan semula.




Jika anda ingin menambah 30 saat tambahan.

1. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** sekali atau beberapa kali bagi setiap 30 saat yang ingin anda tambahkan.
2. Dengan memutar **Tombol Dail**, Anda boleh tetapkan masa yang anda mahu.

Ciri-ciri ketuhar


Ketuhar



01	Pemegang pintu	**05**	Lampu	**09**	Gelang roda
02	Pintu	**06**	Selak pintu	**10**	Lubang saling kunci keselamatan
03	Lubang pengalihan udara	**07**	Piring putar	**11**	Panel kawalan
04	Elemen pemanas	**08**	Pengganding		

Ciri-ciri ketuhar

Panel kawalan



01 Butang Healthy Cooking (Masakan Sihat)

02 Butang My Plate (Pinggan Saya)

03 Butang Power Defrost (Cair Beku Kuasa)

04 Butang Healthy Steam (Stim Sihat)

05 Butang Microwave (Gelombang Mikro)

06 Butang Grill (Gril)

07 Butang Combi (Kombi)

08 Butang Warming Mode (Mod Pemanasan)

09 Butang Pinggan Putar Hidup/Mati

10 Tombol Dail (Berat/Hidangan/Masa)

11 Butang Pilih/Jam

12 Butang Stop/Eco (Berhenti/Ekonomi)

13 Butang (Start/+30s) Mula/+30s

Penggunaan ketuhar


Bagaimana ketuhar gelombang mikro berfungsi

Gelombang mikro adalah gelombang elektromagnetik berfrekuensi tinggi; tenaga yang dikeluarkan membolehkan makanan dimasak atau dipanaskan semula tanpa mengubah bentuk atau warna.

Anda boleh menggunakan ketuhar gelombang mikro anda untuk:

- Mencair beku
- Memanas semula
- Memasak

Dasar memasak.



1. Gelombang mikro yang dijana magnetron dipantulkan pada rongga ketuhar dan diagihkan dengan seragam sementara makanan berputar di atas pinggan putar. Dengan itu, makanan dimasak sama rata.
2. Gelombang mikro diserap makanan sehingga kira-kira sedalam 1 inci (2.5 cm). Proses memasak berterusan apabila haba dilesapkan di dalam makanan.
3. Masa memasak berbeza-beza mengikut bekas yang digunakan dan sifat-sifat makanan:
   - Kuantiti dan ketumpatan
   - Kandungan air
   - Suhu awal (disejukkan atau tidak)

☛ PENTING

Oleh kerana bahagian tengah makanan dimasak melalui pelesapan haba, proses memasak masih berterusan walaupun anda sudah mengeluarkan makanan dari ketuhar. Masa biar yang ditentukan dalam resipi dan dalam buku panduan ini hendaklah dipatuhi bagi memastikan:

- Pemasakan makanan yang rata hingga ke bahagian tengah.
- Suhu yang sama pada seluruh makanan.

Penggunaan ketuhar


Memeriksa bagi memastikan ketuhar anda beroperasi dengan betul

Prosedur mudah yang berikut membolehkan anda memeriksa bagi memastikan ketuhar anda sentiasa berfungsi dengan betul. Jika anda ragu-ragu, rujuk kepada bahagian yang bertajuk "Penyelesaian masalah" di halaman 60 sehingga 65.

NOTA

Palam ketuhar mestilah dipasang pada soket dinding yang sesuai. Pinggan putar mestilah berada di kedudukannya di dalam ketuhar. Jika aras kuasa yang lain daripada aras maksimum (100 % - 900 W) digunakan, air akan mengambil masa lebih lama untuk mendidih.

Buka pintu ketuhar dengan menarik pemegang di sebelah kanan pintu. Letakkan segelas air di atas pinggan putar. Tutup pintu ketuhar.



Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** dan laraskan masa ke 4 atau 5 minit, dengan menekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** seberapa banyak kali yang perlu.


Hasil: Ketuhar akan memanaskan air selama 4 atau 5 minit. Air itu kemudiannya akan mula mendidih.


Memasak/Memanas Semula


Prosedur berikut menerangkan cara memasak atau memanaskan semula makanan.

PENTING

SENTIASA periksa tetapan memasak anda sebelum meninggalkan ketuhar tanpa dijaga.







Buka pintu. Letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar. Tutup pintu ketuhar. Jangan sekali-kali hidupkan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong.

1. Tekan butang **Microwave (Gelombang Mikro)**.
   <u>**Hasil:**</u> Penunjuk 900 W (Kuasa memasak maksimum) dipaparkan.
   (mod gelombang mikro)
2. Pilih aras kuasa yang bersesuaian dengan memutar **Tombol Dail**.
   (Rujuk kepada jadual aras kuasa.)
   Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.
3. Tetapkan masa memasak dengan memutar **Tombol Dail**.
   <u>**Hasil:**</u> Masa memasak dipaparkan.
4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.
   <u>**Hasil:**</u> Lampu ketuhar menyala dan pinggan putar mula berputar. Proses memasak bermula dan apabila ia selesai.
   1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
   2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
   3) Masa semasa dipaparkan semula.

Penggunaan ketuhar


Menetapkan masa

Apabila ada bekalan elektrik, "88:88" dan kemudian "12:00" dipaparkan secara automatik pada paparan. Sila tetapkan masa. Masa boleh dipaparkan dalam notasi 12 jam atau 24 jam. Anda mestilah menetapkan jam:


- Apabila anda mula-mula memasang ketuhar gelombang mikro anda
- Selepas bekalan elektrik terputus

NOTA

Jangan lupa untuk menetap semula jam apabila anda beralih dari waktu musim panas kepada waktu musim sejuk dan sebaliknya.




1. Tekan butang **Pilih/Jam**.



2. Laraskan notasi 24-jam atau 12-jam dengan memutar **Tombol Dail**.
Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.

3. Putar **Tombol Dail** untuk melaras jam.
Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.

4. Putar **Tombol Dail** untuk melaras minit.



5. Apabila masa yang betul dipaparkan, tekan butang **Pilih/Jam** untuk memulakan jam.
<u>**Hasil:**</u> Masa dipaparkan apabila anda tidak menggunakan ketuhar gelombang mikro.

Aras kuasa dan variasi masa

Fungsi aras kuasa membolehkan anda menyesuaikan jumlah tenaga yang dilesapkan dan dengan itu masa yang diperlukan untuk memasak atau memanaskan makanan anda, menurut jenis dan kuantitinya. Anda boleh memilih antara enam aras kuasa.

Aras kuasa	Peratusan	Output
TINGGI	100 %	900 W
TINGGI SEDERHANA	67 %	600 W
SEDERHANA	50 %	450 W
RENDAH SEDERHANA	33 %	300 W
CAIR BEKU	20 %	180 W
RENDAH	11 %	100 W


Masa memasak yang diberikan dalam resipi dan di dalam buku panduan ini adalah sepadan dengan aras kuasa tertentu yang ditunjukkan.

Jika anda memilih...	Masa memasaknya mestilah...
Aras kuasa lebih tinggi Aras kuasa lebih rendah	Dikurangkan Ditambah

Melaraskan masa memasak

Anda boleh menambah masa memasak dengan menekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** sekali untuk setiap 30 saat yang hendak ditambahkan.

- Periksa bagaimana perkembangan proses memasak pada bila-bila masa dengan hanya membuka pintu ketuhar.
- Menambah masa memasak yang tinggal



Kaedah 1.

Untuk menambah masa memasak makanan anda, tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** sekali setiap 30 saat yang ingin anda tambahkan.

- Contoh: Untuk menambah tiga minit, tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** enam kali.

Kaedah 2.

Hanya putar **Tombol Dail** untuk melaraskan masa memasak.

- Bagi menambah masa memasak, putar ke kanan dan bagi mengurangkan masa memasak, putar ke kiri.

Penggunaan ketuhar

Memberhentikan proses memasak


Anda boleh memberhentikan proses memasak pada bila-bila masa supaya anda boleh:

- Memeriksa makanan
- Membalikkan makanan atau mengacaunya
- Membiarkan ia

Untuk memberhentikan proses memasak...	Kemudian...
Buat sementara waktu	Buat sementara waktu : Buka pintu dan tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** sekali. __Hasil:__ Proses memasak berhenti. Untuk meneruskan proses memasak, tutup pintu ketuhar sekali lagi dan tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.
Sepenuhnya	Sepenuhnya : Tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** sekali. __Hasil:__ Proses memasak berhenti. Jika anda mahu membatalkan seting memasak, tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** sekali lagi.

Menetapkan mod penjimatan tenaga

Ketuhar ini mempunyai mod penjimatan tenaga.



- Tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)**.
  __Hasil:__ Paparan dipadamkan.
- Untuk menghentikan mod jimat tenaga, buka pintu dan tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)**dan kemudian paparan menunjukkan waktu semasa. Ketuhar sedia untuk digunakan.

NOTA

Fungsi jimat tenaga auto

Jika anda tidak memilih mana-mana fungsi ketika alat berada di tengah-tengah tetapan atau beroperasi dengan keadaan berhenti sementara waktu, fungsi dibatalkan dan jam akan dipaparkan selepas 25 minit. Lampu Ketuhar akan dimatikan selepas 5 minit dengan keadaan pintu terbuka.

Menggunakan ciri-ciri memasak yang menyihatkan

Ciri **Masakan Sihat** mempunyai 15 masa memasak yang dipraprogramkan.
Anda tidak perlu melaras masa memasak atau aras kuasa.

Anda boleh melaraskan bilangan hidangan dengan memutar **Tombol Dail**.


☛ **PENTING**

Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.


Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar dan tutup pintu ketuhar.



1. Tekan butang **Healthy Cooking (Masakan Sihat)**.



2. Pilih Sayur-sayuran & Bijian atau Ayam Itik & Ikan dengan memutar **Tombol Dail**. Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam.**
   1 - Sayur-sayuran & Bijian
   2 - Ayam Itik & Ikan



3. Pilih jenis makanan yang ingin anda masak dengan memutar **Tombol Dail**. (Rujuk kepada jadual di sisi.)

4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.
   Hasil: Makanan dimasak menurut seting praprogram yang dipilih.
   1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
   2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
   3) Masa semasa dipaparkan semula.

Penggunaan ketuhar

Jadual yang berikut menunjukkan kuantiti dan cadangan yang sesuai tentang 15 pilihan memasak yang telah dipraprogramkan. Ini terdiri daripada Sayur-sayuran & Bijian dan Ayam Itik & Ikan.

☛ **PENTING**

Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.

1. Sayur-sayuran & Bijian

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
1-1 Kacang Hijau	250 g	Bilas dan bersihkan kacang hijau. Letakkan ia dengan rata di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 30 ml (1 sudu besar) air apabila memasak untuk 250 g. Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup. Kacau selepas memasak. Biarkan selama 1-2 minit.
1-2 Bayam	150 g	Cuci dan bersihkan bayam. Letakkan di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Jangan tambahkan air. Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup. Kacau selepas memasak. Biarkan selama 1-2 minit.
1-3 Tongkol Jagung	500 g (2 kpg)	Bilas dan bersihkan tongkol jagung dan letakkan di dalam bekas kaca bujur. Tutupkan dengan plastik lekap gelombang mikro dan tusukkannya. Biarkan selama 1-2 minit.
1-4 Beras Ceruh (Direbus separuh empuk)	250 g	Gunakan bekas kaca ketuhar yang besar dengan penutup. Tambahkan kuantiti berganda air sejuk (500 ml). Masak bertutup. Kacau sebelum masa biar dan tambahkan garam dan herba. Biarkan selama 5-10 minit.
1-5 Makaroni Mil Penuh	250 g	Gunakan bekas kaca ketuhar yang besar dengan penutup. Tambahkan 1 L air mendidih, sedikit garam dan kacau rata. Masak tanpa ditutup. Masak bertutup. Kacau sebelum masa biar dan tuskan betul-betul selepas itu. Biarkan selama 1 minit.
1-6 Kuinoa	250 g	Gunakan bekas kaca ketuhar yang besar dengan penutup. Tambahkan kuantiti berganda air sejuk (500 ml). Masak bertutup. Kacau sebelum masa biar dan tambahkan garam dan herba. Biarkan selama 1-3 minit.
1-7 Bulgur	250 g	Gunakan bekas kaca ketuhar yang besar dengan penutup. Tambahkan kuantiti berganda air sejuk (500 ml). Masak bertutup. Kacau sebelum masa biar dan tambahkan garam dan herba. Biarkan selama 2-5 minit.

(sambungan)

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
1-8 Gratin Sayur	500 g	Letakkan sayur-sayuran, seperti hirisan tomato sudah dimasak, hirisan courgette dan tomato dan sos ke dalam bekas pyrex kaca yang bersaiz sesuai. Tambahkan keju parut di atasnya. Letakkan bekas di atas rak. Biarkan selama 2-3 minit.
1-9 Tomato Gril	400 g	Bilas dan bersihkan tomato, potong dua dan letakkan di dalam bekas ketuhar. Tambahkan keju parut di atasnya. Letakkan bekas di atas rak. Biarkan selama 1-2 minit.


2. Ayam Itik & Ikan

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
2-1 Dada Ayam Belanda	300 g (2 kpg)	Bilas kepingan dan letakkan di dalam pinggan seramik. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Cucuk plastik. Letakkan bekas di atas pinggan putar. Biarkan selama 2 minit.
2-2 Filet Ikan Segar	300 g (2 kpg)	Bilas ikan dan letakkan di dalam pinggan seramik, masukkan 1 sudu besar jus lemon. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Cucuk plastik. Letakkan bekas di atas pinggan putar. Biarkan selama 1-2 minit.
2-3 Udang Segar	250 g	Bilas udang di dalam pinggan seramik, masukkan 1 sudu besar jus lemon. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Cucuk plastik. Letakkan bekas di atas pinggan putar. Biarkan selama 1-2 minit.
2-4 Trout Segar	400 g (1-2 ikan)	Letakkan 1- 2 ekor ikan segar ke dalam bekas kalis ketuhar. Tambahkan sedikit garam, 1 sudu besar jus lemon dan herba. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Cucuk plastik. Letakkan bekas di atas pinggan putar. Biarkan selama 2 minit.
2-5 Ikan Panggang	400 g (2 ikan)	Sapukan kulit seekor ikan (trout atau dorada) dengan minyak dan tambahkan herba dan rempah. Letakkan ikan sebelah-menyebelah, kepala pada ekor di atas rak tinggi. Balikkan, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Biarkan selama 3 minit.
2-6 Stik Salmon Gril	300 g (2 stik)	Susun stik ikan sama rata di atas rak tinggi. Balikkan, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Biarkan selama 2 minit.

Menggunakan ciri pinggan saya

Ciri **Pinggan Saya** mempunyai 2 masa memasak yang dipraprogramkan. Anda tidak perlu melaras masa memasak atau aras kuasa. Anda boleh melaraskan bilangan hidangan dengan memutar **Tombol Dail**.

Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar dan tutup pintu ketuhar.



1. Tekan butang **My Plate (Pinggan Saya)**.
2. Pilih jenis makanan yang ingin anda masak dengan memutar **Tombol Dail**. Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.
3. Pilih saiz hidangan dengan memutar **Tombol Dail**.
4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.

   Hasil: Makanan dimasak menurut seting praprogram yang dipilih.
   1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
   2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
   3) Masa semasa dipaparkan semula.

Jadual berikut menunjukkan program memanas semula automatik **Pinggan Saya**, kuantiti dan cadangan yang sesuai. Program-program ini beroperasi dengan gelombang mikro sahaja.

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
1 Dingin Hidangan Siap Sedia	300-350 g 400-450 g	Letakkan makanan di atas pinggan seramik dan tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Program ini sesuai untuk hidangan yang terdiri daripada 3 komponen (contohnya daging dengan sos, sayur dan hidangan sampingan seperti kentang, nasi atau pasta). Biarkan selama 2-3 minit.
2 Dingin Hidangan Vegetarian	300-350 g 400-450 g	Letakkan makanan di atas pinggan seramik dan tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Program ini sesuai untuk hidangan yang terdiri daripada 2 komponen (spt. spageti dengan sos atau nasi dengan sayur). Biarkan selama 2-3 minit.


Menggunakan ciri mencair beku kuasa


Ciri **Cair Beku Kuasa** membolehkan anda mencair bekukan daging, ayam itik, ikan, roti dan kek. Masa mencair beku dan aras kuasa dilaraskan secara automatik. Anda hanya pilih program dan berat makanan.

NOTA

Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.







Buka pintu. Letakkan makanan sejuk beku di atas bekas seramik di tengah-tengah pinggan putar. Tutup pintu ketuhar.

1. Tekan butang **Power Defrost (Cair Beku Kuasa)**.

2. Pilih jenis makanan yang ingin anda masak dengan memutar **Tombol Dail**. Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.

3. Pilih saiz hidangan dengan memutar **Tombol Dail**.
(Rujuk kepada jadual di sisi.)

4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.

<u>**Hasil:**</u>

- Proses mencair beku bermula.
- Ketuhar berbunyi bip semasa mencair beku untuk mengingatkan anda supaya membalikkan makanan itu.

5. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** sekali lagi untuk menamatkan proses mencair beku.

<u>**Hasil:**</u>

1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
3) Masa semasa dipaparkan semula.

Penggunaan ketuhar

Jadual yang berikut menunjukkan pelbagai program **Mencair Beku Kuasa,** kuantiti dan cadangan yang sesuai.
Tanggalkan semua jenis bahan pembungkusan sebelum mencair beku. Letakkan daging, ayam itik, ikan dan roti/kek di atas bekas kaca atau pinggan seramik yang leper.


Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
1 Daging	200-1500 g	Balut bahagian-bahagian tepi dengan kerajang aluminium. Balikkan daging apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini hanya sesuai untuk daging lembu, kambing, babi, stik, potongan daging, daging kisar. Biarkan selama 20-60 minit.
2 Ayam Itik	200-1500 g	Balut bahagian kaki dan hujung kepak dengan kerajang aluminium. Balikkan ayam itik apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ayam dan juga kepingan-kepingan ayam. Biarkan selama 20-60 minit.
3 Ikan	200-1500 g	Balut bahagian ekor ikan dengan kerajang aluminium. Balikkan ikan apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ikan dan juga untuk filet ikan. Biarkan selama 20-50 minit.
4 Roti/Kek	125-1000 g	Letakkan roti di atas sehelai kertas dapur dan balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Letakkan kek di atas pinggan seramik dan jika boleh, balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. (Ketuhar terus beroperasi dan berhenti apabila anda membuka pintunya.) Program ini sesuai untuk semua jenis roti, dalam bentuk kepingan atau sebuku, serta untuk roti rol dan baget. Atur roti rol dalam satu bulatan. Program ini sesuai untuk semua jenis kek ragi, biskut, kek keju dan pastri lapis. Ia tidak sesuai untuk pastri rapuh/kerak, kek buah dan krim, juga kek dengan hias atas coklat. Biarkan selama 5-20 minit.


Menggunakan ciri-ciri stim yang menyihatkan

Ciri **Stim Sihat** mempunyai 17 masa memasak yang dipraprogramkan. Anda tidak perlu melaras masa memasak atau aras kuasa. Anda boleh melaraskan bilangan hidangan dengan memutar **Tombol Dail**. Anda boleh memasak **Stim Sihat** dengan pengukus kaca.

Mula-mula, letakkan pengukus kaca dengan makanan di tengah-tengah pinggan putar.







1. Tekan butang **Healthy Steam (Stim Sihat)**.

2. Pilih Sihat atau Ketimuran dengan memutar **Tombol Dail**.
Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.
1 - Sihat
2 - Ketimuran

3. Pilih jenis makanan yang ingin anda masak dengan memutar **Tombol Dail**.
Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.

4. Pilih saiz hidangan dengan memutar **Tombol Dail**. (Rujuk kepada jadual di sisi.)

5. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.
<u>Hasil:</u> Makanan dimasak menurut seting praprogram yang dipilih.
1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
3) Masa semasa dipaparkan semula.

PENTING

Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.

Penggunaan ketuhar

Jadual yang berikut menunjukkan kuantiti dan cadangan yang sesuai tentang 17 pilihan memasak yang telah dipraprogramkan.

☛ **PENTING**

Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.

1. Sihat

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
1-1 Brokoli Floret	250 g 500 g	Basuh dan bersihkan brokoli segar dan sediakan floret. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan brokoli di atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-2 Lobak Merah yang Dihiris	250 g 500 g	Bilas dan bersihkan lobak merah. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan lobak merah atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-3 Floret Kubis Bunga	250 g 500 g	Basuh dan bersihkan kubis bunga segar dan sediakan floret. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan kubis bunga atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-4 Labu Potong Dadu	250 g 500 g	Timbang labu segar, basuh dan potong kepada saiz yang serupa atau potong dadu. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan labu atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-5 Kentang yang Dikupas	250 g 500 g	Basuh dan kupas kentang dan potong kepada saiz yang serupa. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan kentang atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-6 Sayur-sayuran Sejuk Beku	250 g 500 g	Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan sayur-sayuran sejuk beku atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-7 Manisan Buah	400 g	Timbang buah-buahan segar (contohnya epal, pear, plum, aprikot, mangga atau nanas) selepas mengupas, membasuh dan memotong menjadi saiz yang sama atau bentuk kiub. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan buah-buahan atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-8 Beras Putih	250 g	Letakkan beras putih ke dalam pengukus kaca. Tambahkan 500 ml air sejuk. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 5 minit.

(sambungan)

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
1-9 Daging lembu Kukus	250 g 500 g	Timbang daging lembu yang dicincang dan jadikan bentuk bola (setiap satu Ø25 mm). Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan daging lembu atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-10 Filet Salmon	300 g 600 g	Bilas ikan dan tambah 1 sudu besar jus lemon. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan filet salmon atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
1-11 Dada Ayam	300 g 600 g	Bilas kepingan dan belah permukaan kulit. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan dada ayam atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.


2. Ketimuran

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Arahan
2-1 Bubur Ayam Dihiris	650 g	Potong 150 g paha ayam menjadi hirisan, gaul dengan tepung jagung di dalam mangkuk. Tambahkan 400 ml air dan stok ayam ke dalam pengukus kaca. Letakkan campuran ayam dan 100 g beras kembang ke dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, kacau dan biarkan selama 2-3 minit.
2-2 Ikan Putih Kukus	250 g 500 g	Bilas ikan kod dengan air sejuk. Taburkan dengan 1 sudu teh garam dan sedikit serbuk lada. Tuangkan 1 sudu besar kicap soya dan masukkan dalam peti ais selama 30 minit. Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Susun 4 filet dalam satu lapisan di atas dulang dan letakkan ke dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
2-3 Ladu Kukus	300 g	Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Letakkan kukus beku atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
2-4 Sayur-sayuran Berdaun, Hijau	125 g 250 g	Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Bilas sayur-sayuran berdaun hijau. Letakkan sayur-sayuran atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
2-5 Telur kukus	350 g	Letakkan 3 biji telur, 250 ml air, stok ayam, secubit garam, dan 10 ml minyak ke dalam pengukus kaca. Kacau perlahan-lahan dengan sudu. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.
2-6 Udang Kukus	300 g	Tambah 100 ml air ke dalam pengukus kaca. Bilas udang Segar. Letakkan udang di atas dulang dan letakkan di dalam pengukus kaca. Tutup dengan penutup. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit.


Penggunaan ketuhar

Panduan memasak pengukus kaca


Pengukus Kaca adalah berasaskan prinsip mengukus, dan direka bentuk untuk proses memasak yang cepat dan sihat menggunakan ketuhar Gelombang Mikro Samsung anda. Aksesori ini ideal untuk memasak nasi, pasta, sayur, dsb. dalam masa yang amat pantas, sambil memelihara khasiat pemakanannya. Set Pengukus Kaca Gelombang Mikro ini terdiri daripada 3 item:



Mangkuk



Pinggan silikon



Penutup

Semua bahagian tahan suhu daripada -20 °C hingga 200 °C.

Sesuai untuk disimpan di dalam simpanan sejuk beku. Boleh juga digunakan secara berasingan atau bersama.

SYARAT PENGGUNAAN:

☛ **PENTING**

Jangan gunakan:

- Bersihkan dengan tuala basah atau letakkan di atas permukaan basah apabila kaca sedang panas.
- Letakkan pada api secara langsung.

☛ **PENTING**

Basuh semua bahagian dengan bersih dalam air bersabun sebelum digunakan kali pertama.

☛ **PENTING**

Untuk mengetahui tentang memasak automatik, sila rujuk halaman "Menggunakan ciri-ciri stim sihat".

☛ **PENTING**

Berjaga-jaga semasa mengalihkan Pengukus Kaca kerana pemegang menjadi sangat panas. Pastikan untuk menggunakan sarung tangan ketuhar.

☛ **PENTING**

Sebaik sahaja memasak selesai, Pengukus Kaca dipenuhi dengan wap, menyebabkan risiko melecur. Jangan letakkan muka anda berhampiran bekas, dan pastikan untuk menggunakan sarung tangan ketuhar semasa mengangkat penutup.

Penyelenggaraan

☛ **PENTING**

Pengukus anda boleh dibasuh di dalam pembasuh pinggan mangkuk.

☛ **PENTING**

Apabila membasuh dengan tangan, gunakan air panas dan cecair pembersih pinggan mangkuk. Jangan gunakan pad lelas.

☛ **PENTING**

Beberapa makanan (seperti tomato) boleh mengubah warna plastik. Ini adalah biasa dan bukan kerosakan pembuatan.

☛ **PENTING**


JANGAN kendalikan mod **Gril** dan **Kombi** dengan pengukus Kaca.

Mod Operasi	MW	GRIL / KOMBI
Pengukus kaca	**O**	**X**


Menggril

Gril membolehkan anda memanaskan dan memerang makanan dengan cepat, tanpa menggunakan gelombang mikro.

- Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar, kerana ia sangat panas.
- Anda boleh mendapat hasil masakan dan menggril yang lebih baik jika anda menggunakan rak tinggi.




1. Buka pintu ketuhar dan letakkan makanan di atas rak dan kemudian tutup pintu ketuhar.



2. Tekan butang **Grill (Gril)**.
<u>**Hasil:**</u> Penunjuk-penunjuk yang berikut dipaparkan:
(mod gril)

- Anda tidak boleh melaraskan suhu gril.



3. Laraskan masa menggril dengan memutar **Tombol dail**.
- Masa menggril yang maksimum ialah 60 minit.

4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.
<u>**Hasil:**</u> Gril bermula.
1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
3) Masa semasa dipaparkan semula.


Penggunaan ketuhar

Menggabungkan ketuhar gelombang mikro dan gril

Anda boleh juga menggabungkan proses memasak gelombang mikro dengan gril untuk memasak dengan lebih cepat dan memerangkan pada masa yang sama.

PENTING

SENTIASA gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.



PENTING

SENTIASA gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar, kerana ia sangat panas. Anda boleh mendapat hasil masakan dan menggril yang lebih baik jika anda menggunakan rak tinggi.

Buka pintu. Letakkan makanan di atas rak yang lebih sesuai untuk jenis makanan yang hendak dimasak. Letakkan rak di atas pinggan putar. Tutup pintu ketuhar.

1. Tekan butang **Combi (Kombi)**.

<u>Hasil:</u> Penunjuk-penunjuk yang berikut dipaparkan:

(mod kombi gelombang mikro & gril)

600 W (kuasa output)

2. Pilih aras kuasa yang bersesuaian dengan memutar **Tombol Dail**. (600 W, 450 W, 300 W.) Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.

- Anda tidak boleh melaraskan suhu gril.

3. Tetapkan masa memasak dengan memutar **Tombol Dail**.

- Masa memasak yang maksimum ialah 60 minit.


4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)**.

<u>Hasil:</u> Proses memasak kombinasi bermula.


1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
3) Masa semasa dipaparkan semula.

Menggunakan ciri-ciri mod pemanasan


Ciri-ciri **Mod Pemanasan** mempunyai fungsi praprogra Pemanasan Makanan & Pemanasan Pinggan. Anda tidak perlu melaras masa memasak atau aras kuasa.



1. Tekan butang **Warming Mode (Mod Pemanasan)**.



2. Pilih Kekal Panas & Pemanasan Pinggan yang anda masak dengan memutar **Tombol Dail**. Dan kemudian tekan butang **Pilih/Jam**.
   1 - Kekal Panas
   2 - Pemanasan Pinggan



3. Pilih Panas & Sederhana dengan memutar **Tombol Dail**.
   1-1 / 2-1 - Panas
   1-2 / 2-2 - Sedehana
4. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s).**
   <u>Hasil:</u> Makanan dimasak menurut seting praprogram yang dipilih.
   1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
   2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit)
   3) Masa semasa dipaparkan semula.

Menu mod pemanasan yang dicadangkan

Panas (1-1 / 2-1)	Lasagna, Sup, Gratin, Kaserol, Piza, Stik (Cukup Masak), Bakon, Hidangan ikan, Kek kering
Sederhana (1-2 / 2-2)	Pai, Roti, Hidangan Telur, Stik (Mentah atau Separuh Masak)

MG28J5255US_SM_DE68-04322G-00_MS.indd 39 2/26/2015 4:53:16 PM

Penggunaan ketuhar

1. Kekal Panas

Ciri Kekal panas mengekalkan kepanasan makanan sehingga ia dihidangkan. Gunakan ciri ini untuk mengekalkan kepanasan makanan sehingga ia sedia untuk di hidang. Anda boleh memlih suhu pemanasan sama ada panas atau sederhana dengan memutar **Tombol Dail**. (Rujuk halaman sebelumnya untuk arahan.)

1-1. Panas
1-2. Sederhana

Untuk menggunakan funsi Kekal panas, ikuti yang berikut :

- Letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar.
- Kendalikan fungsi kekal panas.

☛ **PENTING**
Jangan gunakan fungsi ini untuk memanas semula makanan sejuk. Program ini hanya untuk membiarkan kepanasan makanan yang baru dimasak.

☛ **PENTING**
Jangan cadangkan makanan dibiarkan memanas terlalu lama (lebih dari 1 jam), kerana ia akan terus memasak. Makanan hangat cepat rosak.


☛ **PENTING**
Jangan tutup dengan penutup atau pembalut plastik.

☛ **PENTING**
Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.


2. Pemanasan Pinggan

Anda boleh menghidangkan hidangan panas yang sempurna dengan ciri pemanasan pinggan. Gunakan ciri pemanasan pinggan ini untuk memanaskan pinggan ke suhu yang panas atau yang sesuai. Anda boleh memlih suhu pemanasan sama ada panas atau sederhana dengan memutar **Tombol Dail**. (Rujuk halaman sebelumnya untuk arahan.)


2-1. Panas
2-2. Sederhana




1. Letakkan pinggan di tengah-tengah pinggan putar.
(Pinggan Maksimum : 5 kpg)




2. Isi dengan air mengikut garisan panduan (aras air) di dalam mangkuk pemanasan pinggan.
(Garisan ini adalah kira-kira 200 ml.)



3. Tutup mangkuk pemanasan pinggan dengan penutup. Dan kemudian pusingkan ia ke awah "Kunci".



4. Letakkan mangkuk pemanasan pinggan ke atas pinggan.



5. Tutup Pintu ketuhar. Dan kemudian kendalikan fungsi pemanasan pinggan.

☛ **PENTING**

Gunakan hanya air biasa, dan bukan air suling.

☛ **PENTING**

Jangan menggunakan mangkuk pemanasan pinggan untuk memasak. Mangkuk Pemanasan Pinggan hanya boleh digunakan semasa mod "Pemanasan Pinggan".

☛ **PENTING**

Hanya gunakan pinggan yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.

☛ **PENTING**

Jangan gunakan fungsi ini tanpa air.

☛ **PENTING**

Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan pinggan & mangkuk pemanasan pinggan.


☛ **PENTING**

JANGAN kendalikan mod **Gelombang Mikro**, **Gril** dan **Kombi** dengan pinggan panas, hanya gunakan untuk fungsi Pemanasan pinggan dalam mod Pemanasan.

Mod Operasi	Mod Pemanasan	MW /GRIL / KOMBI
Mangkuk pemanasan pinggan	**O**	**X**

Menggunakan ciri kunci kanak-kanak

Ketuhar gelombang mikro anda dilengkapi dengan program kunci kanak-kanak khas, yang membolehkan ketuhar "dikunci" supaya kanak-kanak atau sesiapa yang tidak biasa dengan ketuhar ini tidak boleh mengendalikannya dengan tidak sengaja.



1. Tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** dan **Pilih/Jam** pada masa yang sama.
   <u>**Hasil:**</u>
   - Ketuhar dikunci (tiada fungsi yang boleh dipilih).
   - Paparan menunjukkan "L".

   L

2. Untuk membuka kunci ketuhar, tekan butang **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** dan butang **Pilih/Jam** pada masa yang sama.
   <u>**Hasil:**</u> Ketuhar boleh digunakan seperti biasa.

Menggunakan ciri hidup/mati pinggan putar


Butang **Hidup/Mati Pinggan Putar** membolehkan anda menggunakan pinggan besar yang memenuhi ruang ketuhar dengan menghalang pinggan putar daripada berputar (hanya mod masakan manual).

PENTING

Hasilnya akan kurang memuaskan hati dalam hal ini kerana pemasakannya adalah kurang rata. Kami menyarankan supaya anda memutar bekas dengan tangan semasa separuh masa proses memasak.

AMARAN

Jangan sekali-kali mengendalikan pinggan putar tanpa makanan di dalam ketuhar.
Sebab: Ini boleh menyebabkan kebakaran atau kerosakan kepada unit ini.




1. Tekan butang **Hidup Mati Pinggan Putar**.
   Hasil: Pinggan putar tidak akan berputar.
2. Untuk menghidupkan pemutaran pinggan putar semula, tekan butang **Hidup/Mati Pinggan Putar** sekali lagi.
   Hasil: Pinggan putar akan berputar.

NOTA

Butang **Hidup/Mati Pinggan Putar** hanya tersedia semasa memasak.

Mematikan pembunyi bip

Anda boleh mematikan pembunyi bip bila-bila sahaja anda mahu.



1. Tekan butang **START/+30s (MULA/+30s)** dan **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** pada masa yang sama.
   Hasil: Ketuhar tidak berbunyi bip untuk menunjukkan tamatnya sesuatu fungsi.
2. Untuk menghidupkan pembunyi bip semula, tekan butang **START/+30s (Mula/+30s)** dan **STOP/ECO (BERHENTI/EKO)** sekali lagi pada masa yang sama.
   Hasil: Ketuhar beroperasi seperti biasa.

Panduan perkakas memasak

Untuk memasak makanan di dalam ketuhar gelombang mikro, gelombang mikro mestilah boleh menembusi makanan, tanpa dipantulkan atau diserap oleh bekas yang digunakan.

Anda haruslah berhati-hati apabila memilih perkakas memasak. Jika perkakas memasak ditandakan sebagai selamat untuk digunakan dengan gelombang mikro, anda tidak perlu bimbang.

Jadual yang berikut menyenaraikan pelbagai jenis perkakas memasak dan menunjukkan sama ada ia boleh digunakan dan cara ia seharusnya digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro.

Perkakas memasak	Selamat untuk digunakan dengan Gelombang Mikro	Komen
Kerajang aluminium	✓✗	Boleh digunakan dalam bentuk kepingan kecil untuk melindungi bahagian-bahagian daripada terlampau masak. Pengarkaan boleh berlaku jika kerajang terlalu hampir dengan dinding ketuhar atau jika terlalu banyak kerajang digunakan.
Pinggan kerak	✓	Jangan panaskan terlebih dahulu selama lebih dari 8 minit.
Perkakas tembikar atau tanah liat	✓	Tembikar, perkakas tanah liat yang diglis dan tembikar “bone china” biasanya sesuai, kecuali dihiasi dengan perapi logam.
Bekas kadbod poliester pakai buang	✓	Sesetengah makanan sejuk beku dibungkus dalam bekas-bekas ini.
Bungkusan makanan segera		
• Bekas cawan polistirena	✓	Boleh digunakan untuk menghangatkan makanan. Pemanasan yang terlampau boleh menyebabkan polistirena cair.
• Beg kertas atau surat khabar	✗	Boleh terbakar.
• Kertas kitar semula atau perapi logam	✗	Boleh menyebabkan pengarkaan.
Perkakas kaca		
• Perkakas dari ketuhar ke meja	✓	Boleh digunakan, kecuali dihiasi dengan perapi logam.
• Perkakas kaca halus	✓	Boleh digunakan untuk menghangatkan makanan atau cecair. Kaca yang halus boleh pecah atau retak jika dipanaskan secara tiba-tiba.
• Balang kaca	✓	Mesti tanggalkan tutupnya. Sesuai untuk menghangatkan sahaja.

(sambungan)

Perkakas memasak	Selamat untuk digunakan dengan Gelombang Mikro	Komen
Logam		
• Bekas	✗	Boleh menyebabkan pengarkaan atau kebakaran.
• Ikat pintal beg penyejuk beku	✗	
Kertas		
• Pinggan, cawan, napkin dan kertas dapur	✓	Untuk masa memasak yang singkat dan menghangatkan. Juga untuk menyerap lembapan yang berlebihan.
• Kertas kitar semula		Boleh menyebabkan pengarkaan.
Plastik		
• Bekas	✓	Terutamanya jika termoplastik tahan panas. Sesetengah plastik lain boleh meleding atau berubah warna pada suhu yang tinggi. Jangan gunakan plastik Melamin.
• Plastik lekap	✓	Boleh digunakan untuk mengekalkan lembapan. Tidak harus menyentuh makanan. Berhati-hati apabila membuka plastik lekap kerana wap panas akan keluar.
• Beg penyejuk beku	✓✗	Hanya jika ia boleh direbus atau kalis ketuhar. Tidak harus kedap udara. Cucuk dengan garpu, jika perlu.
Kertas lilin atau kertas minyak	✓	Boleh digunakan untuk mengekalkan lembapan dan mencegah percikan.

✓ : Disyorkan ✓✗ : Amaran penggunaan ✗ : Tidak Selamat

Panduan memasak

Gelombang mikro

Tenaga gelombang mikro sebenarnya menembusi makanan, tertarik kepada dan diserap oleh kandungan air, lemak dan gulanya. Gelombang mikro menyebabkan molekul-molekul di dalam makanan bergerak dengan pantas. Pergerakan molekul yang pantas ini menimbulkan geseran dan haba yang dihasilkan memasak makanan.

Masakan

Perkakas memasak untuk proses memasak gelombang mikro:

Perkakas memasak mestilah membolehkan tenaga gelombang mikro menembusinya untuk kecekapan maksimum. Gelombang mikro dipantulkan oleh logam, seperti keluli tahan karat, aluminium dan tembaga, tetapi ia boleh menembusi seramik, kaca, tembikar dan plastik serta kertas dan kayu. Jadi makanan tidak boleh dimasak di dalam bekas logam.

Makanan yang sesuai untuk proses memasak gelombang mikro:

Banyak jenis makanan sesuai untuk proses memasak gelombang mikro, termasuk sayur-sayuran segar dan sejuk beku, buah-buahan, pasta, beras, biji-bijian, kacang, ikan dan daging. Sos, kastard, sup, puding kukus, jeruk, dan cutni boleh juga dimasak di dalam ketuhar gelombang mikro. Umumnya, proses memasak gelombang mikro adalah ideal bagi sebarang makanan yang biasanya dimasak di atas dapur. Mencairkan mentega atau coklat, contohnya (lihat bab dengan petua, cara dan panduan).

Menutup semasa memasak

Menutup makanan semasa memasak adalah sangat penting, kerana air yang menyejat naik sebagai wap dan menolong proses memasak. Makanan boleh ditutup dengan pelbagai cara: spt. dengan pinggan seramik, penutup plastik atau plastik lekap gelombang mikro yang sesuai.

Masa Biar

Selepas proses memasak selesai, masa biar untuk makanan adalah penting untuk membolehkan suhu menjadi seimbang di dalam makanan.

Panduan Memasak untuk sayur-sayuran sejuk beku

Gunakan mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai. Masak bertutup untuk masa minimum – lihat jadual. Teruskan memasak untuk mendapatkan hasil yang anda mahu.

Kacau dua kali semasa memasak dan sekali selepas memasak.
Tambahkan garam, herba atau mentega selepas memasak. Tutup semasa masa biar.

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Bayam	150 g	600 W	5-6
	Arahan Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. Biarkan selama 2-3 minit.		
Brokoli	300 g	600 W	8-9
	Arahan Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air sejuk. Biarkan selama 2-3 minit.		
Kacang Pis	300 g	600 W	7-8
	Arahan Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. Biarkan selama 2-3 minit.		
Kacang Hijau	300 g	600 W	7½-8½
	Arahan Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air sejuk. Biarkan selama 2-3 minit.		
Sayur Campur (Lobak Merah/Kacang Pis/Jagung)	300 g	600 W	7-8
	Arahan Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. Biarkan selama 2-3 minit.		
Sayur-sayuran Campur (Gaya Cina)	300 g	600 W	7½-8½
	Arahan Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. Biarkan selama 2-3 minit.		

Panduan memasak

Panduan Memasak untuk sayur-sayuran segar

Gunakan mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai. Tambahkan 30-45 ml air sejuk (2-3 sudu besar) untuk setiap 250 g kecuali jumlah air yang lain disyorkan – lihat jadual. Masak bertutup untuk masa minimum – lihat jadual. Teruskan memasak untuk mendapatkan hasil yang anda mahu. Kacau sekali semasa dan sekali selepas memasak. Tambahkan garam, herba atau mentega selepas memasak.
Tutup semasa masa biar selama 3 minit.

Petua: Potong sayur-sayuran segar menjadi kepingan yang sama saiznya. Lebih kecil ia dipotong, lebih cepat ia masak.

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Brokoli	250 g 500 g	900 W	4½-5 7-8
	Arahan Sediakan bunga-bunga yang sama saiznya. Atur batangnya ke tengah. Biarkan selama 3 minit.		
Kubis Brussel	250 g	900 W	6-6½
	Arahan Tambahkan 60-75 ml (4-5 sudu besar) air. Biarkan selama 3 minit.		
Lobak Merah	250 g	900 W	4½-5
	Arahan Potong lobak merah menjadi hirisan yang sama saiznya. Biarkan selama 3 minit.		
Kubis Bunga	250 g 500 g	900 W	5-5½ 7½-8½
	Arahan Sediakan bunga-bunga yang sama saiznya. Belah dua bunga yang besar. Atur batangnya ke tengah. Biarkan selama 3 minit.		
Courgette	250 g	900 W	4-4½
	Arahan Potong courgette menjadi hirisan. Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air atau seketul mentega. Masak sehingga lembut. Biarkan selama 3 minit.		

(sambungan)

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Terung	250 g	900 W	3½-4
	Arahan Potong terung menjadi kepingan kecil dan renjiskan 1 sudu besar jus lemon. Biarkan selama 3 minit.		
Lik	250 g	900 W	4-4½
	Arahan Potong lik menjadi kepingan-kepingan yang tebal. Biarkan selama 3 minit.		
Cendawan	125 g 250 g	900 W	1½-2 2½-3
	Arahan Sediakan cendawan kecil yang tidak dipotong atau cendawan yang dihiris. Jangan tambahkan air. Renjiskan dengan jus lemon. Rempahkan dengan garam dan lada. Tuskan sebelum menghidangkan. Biarkan selama 3 minit.		
Bawang	250 g	900 W	5-5½
	Arahan Hiris bawang atau potong dua. Tambahkan hanya 15 ml (1 sudu besar) air. Biarkan selama 3 minit.		
Lada	250 g	900 W	4½-5
	Arahan Potong lada menjadi kepingan kecil. Biarkan selama 3 minit.		
Kentang	250 g 500 g	900 W	4-5 7-8
	Arahan Timbang kentang yang telah dikupas dan potong dua atau potong empat. Biarkan selama 3 minit.		
Kubis Lobak Putih	250 g	900 W	5½-6
	Arahan Potong kubis lobak putih menjadi kiub-kiub kecil. Biarkan selama 3 minit.		

Panduan memasak

Panduan Memasak untuk beras dan pasta

<u>Beras:</u> Gunakan mangkuk pyrex kaca yang besar dengan penutup – isi padu beras bertambah sekali ganda semasa dimasak. Masak bertutup.
Selepas masa memasak tamat, kacau sebelum masa biar dan tambahkan garam atau herba dan mentega.
Catatan: beras mungkin tidak menyerap semua air selepas masa memasak selesai.

<u>Pasta:</u> Gunakan mangkuk pyrex kaca yang besar.
Tambahkan air mendidih, sedikit garam dan kacau rata. Masak tanpa ditutup.
Kacau sekali-sekala semasa dan selepas memasak.
Tutup semasa masa biar dan tuskan ia betul-betul selepas itu.

<table>
<tr><th>Makanan</th><th>Saiz Hidangan</th><th>Kuasa</th><th>Masa (min.)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Nasi Putih
(Separa Rebus)</td><td>250 g
375 g</td><td>900 W</td><td>15-16
17½-18½</td></tr>
<tr><td colspan="3">Arahan
Tambahkan 500 ml air sejuk.(250 g), Tambahkan 750 ml air sejuk. (375 g) Biarkan selama 5 minit.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Beras Perang
(Separa Rebus)</td><td>250 g
375 g</td><td>900 W</td><td>20-21
22-23</td></tr>
<tr><td colspan="3">Arahan
Tambahkan 500 ml air sejuk.(250 g), Tambahkan 750 ml air sejuk. (375 g) Biarkan selama 5 minit.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Beras Campuran
(Beras + Beras Hutan)</td><td>250 g</td><td>900 W</td><td>16-17</td></tr>
<tr><td colspan="3">Arahan
Tambahkan 500 ml air sejuk. Biarkan selama 5 minit.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Jagung Campur
(Beras + Bijian)</td><td>250 g</td><td>900 W</td><td>17-18</td></tr>
<tr><td colspan="3">Arahan
Tambahkan 400 ml air sejuk. Biarkan selama 5 minit.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Pasta</td><td>250 g</td><td>900 W</td><td>10-11</td></tr>
<tr><td colspan="3">Arahan
Tambahkan 1000 ml air panas. Biarkan selama 5 minit.</td></tr>
</table>

Memanas semula

Ketuhar gelombang mikro anda akan memanas semula makanan dalam masa yang sangat singkat berbanding dengan masa biasa yang diambil oleh hob ketuhar konvensional. Gunakan aras kuasa dan masa memanas semula di dalam carta berikut sebagai panduan. Masa-masa di dalam carta mengambil kira cecair dengan suhu bilik sekitar +18 hingga +20 °C atau makanan dingin dengan suhu sekitar +5 hingga +7 °C.

Mengatur dan menutup

Elakkan memanaskan makanan besar seperti sepotong daging – ia selalunya menjadi terlampau masak dan kering sebelum bahagian tengahnya menjadi panas menggelegak. Memanaskan semula kepingan-kepingan kecil memberikan hasil yang lebih baik.

Aras kuasa dan mengacau

Sesetengah makanan boleh dipanaskan semula menggunakan kuasa 900 W sementara yang lain pula harus dipanaskan semula menggunakan 600 W, 450 W atau malah 300 W. Periksa jadual untuk panduan.
Umumnya, adalah lebih baik anda memanaskan semula makanan menggunakan aras kuasa yang lebih rendah, jika makanan itu tidak terlalu berperisa, banyak, atau jika besar kemungkinannya ia sangat cepat menjadi panas (pai daging kisar, contohnya).
Kacau rata atau balikkan makanan semasa memanaskan semula bagi hasil yang terbaik. Jika boleh, kacau sekali lagi sebelum menghidangkan. Anda harus amat berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi. Untuk mencegah didihan cecair yang membuak-buak dan kemungkinan berlakunya lecur, kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskan. Biarkan ia di dalam ketuhar gelombang mikro semasa masa biar. Kami mengesyorkan anda meletakkan sudu plastik atau batang kaca ke dalam cecair itu. Elakkan terlalu lama memanaskan (dan oleh itu merosakkan) makanan. Adalah lebih baik anda menganggar kurang masa memasak dan menambah masa memanas, jika perlu.

Memanaskan dan masa biar

Apabila memanaskan semula makanan buat pertama kalinya, sebaiknya anda membuat catatan tentang masa yang diambil – untuk dirujuk pada masa hadapan. Sentiasa pastikan bahawa makanan yang dipanaskan semula panas menggelegak keseluruhannya.
Biarkan makanan itu buat seketika selepas memanaskan semula – supaya suhunya menjadi seimbang. Masa biar yang disarankan selepas memanaskan semula ialah 2-4 minit, kecuali masa yang lain disyorkan di dalam carta. Anda harus amat berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi. Lihat juga bab mengenai langkah-langkah keselamatan.

Memanas semula cecair

Sentiasa berikan masa biar selama sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan untuk membolehkan suhunya menjadi seimbang. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan. Untuk mencegah didihan yang membuak-buak dan kemungkinan kulit anda melecur, anda harus meletakkan sudu atau batang kaca ke dalam minuman dan kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskannya.

Memanaskan semula makanan bayi

Makanan bayi:

Tuang ke dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau rata selepas memanaskan semula! Biarkan selama 2-3 minit sebelum menghidangkan. Kacau sekali lagi dan periksa suhunya. Suhu hidangan yang disarankan: antara 30-40 °C.

Susu bayi:

Tuang susu ke dalam botol kaca yang telah disteril. Panaskan tanpa ditutup. Jangan sesekali memanaskan botol bayi dengan putingnya sekali, kerana botol boleh meletup jika terlampau panas. Goncang betul-betul sebelum masa biar dan sekali lagi sebelum menghidangkan ! Sentiasa periksa suhu susu atau makanan bayi dengan teliti sebelum memberinya kepada bayi. Suhu hidangan yang disarankan: ca. 37 °C.

Catatan:

Makanan bayi terutamanya perlu diperiksa dengan teliti sebelum dihidangkan bagi mencegah berlakunya lecur. Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual yang berikutnya sebagai garis panduan untuk memanaskan semula.

Memanaskan semula cecair dan makanan

Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk memanaskan semula.

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Minuman (Kopi, Teh dan Air)	150 ml (1 cawan) 300 ml (2 cawan) 450 ml (3 cawan) 600 ml (4 cawan)	900 W	1-1½ 2-2½ 3-3½ 3½-4
	Arahan Tuangkan ke dalam cawan-cawan dan panaskan semula tanpa ditutup: 1 cawan di tengah-tengah, 2 cawan bertentangan satu sama lain, 3 cawan dalam satu bulatan. Biarkan di dalam ketuhar gelombang mikro semasa masa biar dan kacau rata. Biarkan selama 1-2 minit.		

(sambungan)

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Sup (Dingin)	250 g 350 g 450 g 550 g	900 W	2½-3 3-3½ 3½-4 4½-5
	Arahan Tuang ke dalam pinggan atau mangkuk seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau rata selepas memanaskan semula. Kacau sekali lagi sebelum menghidangkannya. Biarkan selama 2-3 minit.		
Stew (Dingin)	350 g	600 W	4½-5½
	Arahan Letakkan stew ke dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanaskan semula dan sekali lagi sebelum membiarkan dan menghidangkannya. Biarkan selama 2-3 minit.		
Pasta dengan Sos (Dingin)	350 g	600 W	3½-4½
	Arahan Letakkan pasta (contohnya spageti atau mi telur) di atas pinggan seramik leper. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Kacau sekali lagi sebelum menghidangkannya. Biarkan selama 3 minit.		
Pasta Berisi Sos (Dingin)	350 g	600 W	4-5
	Arahan Letakkan pasta yang diisi (contohnya ravioli, tortelini) di dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanaskan semula dan sekali lagi sebelum membiarkan dan menghidangkannya. Biarkan selama 3 minit.		
Hidangan Dalam Pinggan (Dingin)	350 g 450 g	600 W	4½-5½ 5½-6½
	Arahan Letakkan hidangan dengan 2-3 komponen sejuk di atas pinggan seramik. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Biarkan selama 3 minit.		
Fondue Keju Sedia Dihidang (Dingin)	400 g	600 W	6-7
	Arahan Letakkan fondue keju sedia untuk dihidang ke dalam mangkuk pyrex kaca bersaiz sesuai dengan penutup. Kacau sekali-sekala semasa dan selepas memanaskan semula. Kacau rata sebelum menghidangkannya. Biarkan selama 1-2 minit.		

Memanaskan semula makanan dan susu bayi

Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk memanaskan semula.

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa
Makanan Bayi (Sayur + Daging)	190 g	600 W	30 saat.
	Arahan Tuang ke dalam pinggan seramik yang dalam. Masak bertutup. Kacau selepas masa memasak. Sebelum menghidangkan, kacau rata dan periksa suhunya dengan teliti. Biarkan selama 2-3 minit.		
Bubur Bayi (Bijian + Susu + Buah)	190 g	600 W	20 saat.
	Arahan Tuang ke dalam pinggan seramik yang dalam. Masak bertutup. Kacau selepas masa memasak. Sebelum menghidangkan, kacau rata dan periksa suhunya dengan teliti. Biarkan selama 2-3 minit.		
Susu bayi	100 ml 200 ml	300 W	30-40 saat. 1 min. hingga 1 min. 10 saat.
	Arahan Kacau rata atau goncang betul-betul dan tuang ke dalam botol kaca yang telah disteril. Letakkan di tengah-tengah pinggan putar. Masak tanpa ditutup. Goncang betul-betul dan biarkan selama sekurang-kurangnya 3 minit. Sebelum menghidangkan, goncang betul-betul dan periksa suhunya dengan teliti.		

Mencair beku

Gelombang mikro adalah cara yang sangat baik untuk mencair bekukan makanan sejuk beku. Gelombang mikro mencair bekukan makanan sejuk beku dengan lembut dalam masa yang singkat. Ini boleh merupakan satu kelebihan besar, jika tetamu yang tidak dijangka tiba-tiba muncul.

Ayam itik sejuk beku mesti dinyahsejuk beku keseluruhannya sebelum dimasak. Tanggalkan sebarang ikatan logam dan keluarkan ia dari sebarang bungkusan untuk mengetuskan cecair nyahsejuk beku.

Letakkan makanan sejuk beku itu di atas bekas tanpa penutup. Balikkan separuh jalan, tuskan sebarang cecair yang ada dan buang sebarang hati, jantung dan hempedal secepat mungkin. Periksa makanan itu sekali-sekala untuk memastikan bahawa ia tidak terasa hangat.
Jika bahagian-bahagian makanan sejuk beku yang lebih kecil dan lebih nipis mula menghangat, ia boleh dilindungi dengan membalutnya dengan kepingan kerajang aluminium yang kecil semasa mencair beku.

Sekiranya ayam itik mula menghangat di permukaan luarnya, hentikan proses menyahsejuk beku dan biarkannya selama 20 minit sebelum meneruskan. Biarkan ikan, daging dan ayam itik untuk menyelesaikan proses mencair beku. Masa biar untuk menyelesaikan proses mencair beku akan berubah-ubah bergantung kepada kuantiti yang dicairbekukan. Sila rujuk kepada jadual di bawah.

Petua: Makanan yang leper mencair beku dengan lebih baik daripada makanan yang tebal dan kuantiti yang lebih kecil memerlukan masa yang lebih singkat daripada kuantiti yang lebih besar. Ingat petua ini semasa menyejuk beku dan mencair beku makanan.

Untuk mencair beku makanan sejuk beku dengan suhu sekitar -18 to -20 °C, gunakan jadual yang berikut sebagai panduan.

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Daging			
Daging Cincang	250 g 500 g	180 W	6-7 9-12
Stik Babi	250 g	180 W	5-7
	Arahan Letakkan daging di atas pinggan putar. Balut bahagian-bahagian tepi yang lebih nipis dengan kerajang aluminium. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! Biarkan selama 15-30 minit.		

Panduan memasak

Makanan	Saiz Hidangan	Kuasa	Masa (min.)
Ayam Itik			
Kepingan Ayam	500 g (2 keping)	180 W	14-15
Seekor Ayam	1200 g	180 W	32-34
	Arahan Mula-mula, letakkan kepingan-kepingan ayam dengan bahagian kulit di bawah dahulu, seekor ayam bahagian dada di bawah dahulu di atas pinggan seramik yang leper. Balut bahagian-bahagian yang lebih nipis seperti kepak dan bahagian hujung dengan kerajang aluminium. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! Biarkan selama 15-60 minit.		
Ikan			
Filet Ikan	200 g	180 W	6-7
Seekor Ikan	400 g	180 W	11-13
	Arahan Letakkan ikan sejuk beku di tengah-tengah pinggan seramik yang leper. Atur bahagian-bahagian yang lebih nipis di bawah bahagian-bahagian yang lebih tebal. Balut hujung sempit filet dan ekor ikan menggunakan kerajang aluminium. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! Biarkan selama 10-25 minit.		
Buah-Buahan			
Beri	300 g	180 W	6-7
	Arahan Selerakkan buah di atas bekas kaca yang bulat dan leper (dengan garis pusat yang besar). Biarkan selama 5-10 minit.		
Roti			
Rol Roti (Setiap satu sekitar 50 g)	2 kpg 4 kpg	180 W	1-1½ 2½-3
Roti bakar/Sandwic	250 g	180 W	4-4½
Roti Jerman (Tepung Gandum+ Tepung Rai)	500 g	180 W	7-9
	Arahan Atur rol dalam satu bulatan atau roti secara mendatar di atas kertas dapur di tengah-tengah pinggan putar. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! Biarkan selama 5-20 minit.		

Gril

Elemen pemanas gril terletak di bawah siling rongga ketuhar. Ia beroperasi semasa pintu ditutup dan pinggan putar berputar. Putaran pinggan putar membuatkan makanan menjadi perang dengan lebih seragam. Memanaskan gril dahulu selama 3-5 minit akan membuat makanan menjadi perang dengan lebih cepat lagi.

Perkakas memasak untuk menggril:

Harus kalis api dan boleh termasuk logam. Jangan gunakan sebarang jenis perkakas memasak plastik, kerana ia boleh cair.

Makanan yang sesuai digril:

Potongan daging, sosej, stik, hamburger, hirisan bakon dan gamon, bahagian ikan yang nipis, sandwic dan semua jenis roti bakar dengan hias atas.

Komen penting:

Harap ingat bahawa makanan hendaklah diletakkan di atas rak tinggi, kecuali arahan lain disarankan.

Gelombang Mikro + gril

Mod memasak ini menggabungkan haba sinaran yang datang dari gril dengan kelajuan memasak dengan gelombang mikro. Ia beroperasi hanya semasa pintu ditutup dan pinggan putar berputar. Disebabkan putaran pinggan putar, makanan menjadi perang dengan rata. Tiga mod kombinasi terdapat dengan model ini:
600 W + Gril, 450 W + Gril dan 300 W + Gril.

Perkakas untuk memasak dengan gelombang mikro + gril

Sila gunakan perkakas memasak yang membolehkan gelombang mikro menembusinya. Perkakas memasak harus kalis api. Jangan gunakan perkakas logam dengan mod kombinasi. Jangan gunakan sebarang jenis perkakas memasak plastik, kerana ia boleh cair.

Makanan yang sesuai untuk proses memasak gelombang mikro + gril:

Makanan yang sesuai untuk proses memasak mod kombinasi termasuk semua jenis makanan dimasak yang perlu dipanaskan semula dan diperangkan (contohnya pasta bakar), serta makanan yang memerlukan masa memasak yang singkat untuk memerangkan bahagian atas makanan itu. Mod ini juga boleh digunakan untuk bahagian-bahagian makanan yang tebal yang hendak diperangkan dan rangupkan atasnya (contohnya kepingan ayam, membalikkan ia separuh jalan semasa memasak). Sila rujuk kepada jadual gril untuk butiran lanjut.

Komen penting:

Setiap kali mod kombinasi (gelombang mikro + gril) digunakan, makanan hendaklah diletakkan di atas rak tinggi, kecuali arahan lain disarankan. Sila rujuk kepada arahan di dalam carta berikut.

Makanan mestilah dibalikkan, jika kedua-dua sisinya hendak diperangkan.

Panduan memasak

Panduan Gril untuk makanan segar dan sejuk beku

Panaskan dahulu gril dengan fungsi gril selama 3 minit.
Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk menggril.

☛ **PENTING**

Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan.

Makanan segar	Saiz Hidangan	Kuasa	1 langkah (min.)	2 langkah (min.)
Kepingan Roti Bakar	4 ketul (setiap satu 25 g)	Gril sahaja	3-4	2-3
	Arahan Letakkan kepingan roti bakar sebelah-menyebelah di atas rak.			
Tomato Gril	400 g (2 keping)	300 W + Gril	5-6	-
	Arahan Potong tomato menjadi dua bahagian. Letakkan sedikit keju di atasnya. Atur dalam satu bulatan di dalam bekas pyrex kaca yang leper. Letakkan ia di atas rak tinggi. Biarkan selama 2-3 minit.			
Roti Bakar-Tomato-Keju	4 kpg (300 g)	300 W + Gril	4-5	-
	Arahan Bakar kepingan roti dahulu. Letakkan roti bakar dengan hiasan atas di atas rak tinggi. Biarkan selama 2-3 minit			
Kentang Bakar	500 g	600 W + Gril	7-8	-
	Arahan Potong kentang menjadi dua bahagian. Letakkan ia dalam satu bulatan di atas rak tinggi dengan bahagian terpotong menghadap gril.			
Lasagne Sejuk Beku	400 g	300 W + Gril Gril sahaja	18½-19½ 1-2	-
	Arahan Letakkan gratin pasta segar ke dalam bekas tahan ketuhar kecil. Letakkan bekas di atas pinggan putar. Selepas memasak biarkan selama 2-3 minit.			
Epal Bakar	2 biji epal (lebih kurang 400 g)	300 W + Gril	7-8	-
	Arahan Korek empulur epal dan isikan dengan kismis dan jem. Letakkan sedikit hirisan badam di atasnya. Letakkan epal di atas bekas pyrex kaca yang leper. Letakkan bekas langsung di atas rak rendah.			
Kepingan Ayam	500 g (2 keping)	300 W + Gril	8-10	6-8
	Arahan Sapukan kepingan ayam dengan minyak dan rempah. Letakkan ia dalam satu bulatan di atas rak tinggi. Selepas menggril biarkan selama 2-3 minit.			
Ayam Panggang	1200 g	450 W + Gril balikkan	21-22	
		300 W + Gril		21-22
	Arahan Sapukan ayam dengan minyak dan rempah. Letakkan di atas pinggan tahan ketuhar dan letakkan di atas pinggan putar. Selepas menggril biarkan selama 5 minit.			

<table>
<tr><th>Makanan segar</th><th>Saiz Hidangan</th><th>Kuasa</th><th>1 langkah (min.)</th><th>2 langkah (min.)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Ikan Panggang</td><td>400-500 g</td><td>300 W + Gril</td><td>5-7</td><td>5½-6½</td></tr>
<tr><td colspan="4">Arahan
Sapukan kulit seekor ikan dengan minyak dan tambahkan herba dan rempah. Letakkan dua ikan sebelah-menyebelah (kepala pada ekor) di atas rak tinggi. Selepas menggril biarkan selama 2-3 minit.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Piza Sejuk Beku</td><td>300-350 g</td><td>450 W + Gril</td><td>11-12</td><td>-</td></tr>
<tr><td colspan="4">Arahan
Letakkan piza sejuk beku di atas bulatan di atas rak rendah.
Letakkan rak rendah di atas pinggan putar. Biarkan selama 1-2 minit.</td></tr>
</table>

Petua dan Cara

Mencairkan madu batu

Letakkan 20 g madu batu di dalam bekas kaca kecil yang dalam. Panaskan selama 20-30 saat menggunakan 300 W, sehingga madu cair.

Mencairkan gelatin

Letakkan kepingan-kepingan gelatin kering (10 g) selama 5 minit dalam air sejuk. Letakkan gelatin yang telah dituskan di dalam mangkuk pyrex kaca yang kecil. Panaskan selama 1 minit menggunakan 300 W. Kacau selepas cair.

Memasak gerlis/aising (untuk kek dan gateaux)

Campurkan gerlis segera (kira-kira 14 g) dengan 40 g gula dan 250 ml air sejuk. Masak tanpa ditutup dalam mangkuk pyrex kaca selama 3½ hingga 4½ minit menggunakan 900 W, sehingga gerlis/aising menjadi lutsinar. Kacau dua kali semasa memasak.

Memasak jem

Letakkan 600 g buah-buahan (contohnya beri campur) di dalam mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai saiznya. Tambahkan 300 g gula penjeruk dan kacau rata. Masak bertutup selama 10-12 minit menggunakan 900 W. Kacau rata beberapa kali semasa memasak. Tuangkan langsung ke dalam gelas-gelas jem yang kecil dengan penutup putar. Biarkan pada penutup selama 5 minit.

Memasak puding/kastad

Campurkan serbuk puding dengan gula dan susu (500 ml) dengan mengikut arahan pembuat dan kacau rata. Gunakan mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai saiznya. Masak bertutup selama 6½ hingga 7½ minit menggunakan 900 W. Kacau rata beberapa kali semasa memasak.

Memerangkan hirisan badam

Selerakkan 30 g badam yang dihiris dengan rata di atas pinggan seramik bersaiz sederhana. Kacau beberapa kali semasa pemerangan selama 3½ ke 4½ minit menggunakan 600 W. Biarkan ia selama 2-3 minit di dalam ketuhar. Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!

Penyelesaian masalah

Penyelesaian masalah

Jika anda menghadapi sebarang masalah yang disenaraikan di bawah cuba penyelesaian yang diberikan.

Masalah	Punca	Tindakan
Umum		
Butang tidak boleh ditekan dengan betul.	Benda asing mungkin tersangkut di antara butang.	Alihkan benda asing dan cuba lagi.
	Untuk model sentuh: Lembapan di bahagian luar.	Lapkan lembapan daripada bahagian luar.
	Kunci kanak-kanak diaktifkan	Nyahaktifkan Kunci kanak-kanak.
Masa tidak dipaparkan.	Kuasa tidak dibekalkan.	Pastikan kuasa dibekalkan.
	Fungsi Eco (Eko) (jimat tenaga) dilaraskan.	Matikan fungsi Eco (Eko).
Ketuhar tidak berfungsi.	Kuasa tidak dibekalkan.	Pastikan kuasa dibekalkan.
	Pintu terbuka.	Tutup pintu dan cuba lagi.
	Mekanisma keselamatan pintu terbuka diliputi dengan benda asing.	Alihkan benda asing dan cuba lagi.
Ketuhar terhenti semasa operasi.	Pengguna telah membuka pintu untuk membalikkan makanan.	Selepas membalikkan makanan, tekan butang **Mula** sekali lagi untuk memulakan operasi.
Kuasa mati semasa operasi.	Ketuhar telah memasak untuk tempoh masa yang panjang.	Selepas memasak untuk tempoh masa yang panjang, biarkan ketuhar menyejuk.
	Kipas pendingin tidak berfungsi.	Dengarkan bunyi kipas pendingin.
	Cuba untuk mengendalikan ketuhar tanpa makanan di dalam.	Letakkan makanan ke dalam ketuhar.
	Tiada ruang pengudaraan yang mencukupi untuk ketuhar.	Terdapat outlet ekzos/pengambilan di bahagian depan dan belakang ketuhar untuk pengudaraan Kekalkan jarak yang ditentukan dalam panduan pemasangan produk.
	Beberapa palam kuasa sedang digunakan di soket yang sama.	Direka untuk hanya satu soket digunakan untuk ketuhar.
Tiada kuasa ke ketuhar.	Kuasa tidak dibekalkan.	Pastikan kuasa dibekalkan.
Terdapat bunyi pop semasa operasi, dan ketuhar tidak berfungsi.	Memasak makanan tertutup atau menggunakan bekas dengan penutup mungkin menyebabkan bunyi pop.	Jangan gunakan bekas bertutup kerana ia mungkin meletup semasa memasak kerana pengembangan kandungan.

Masalah	Punca	Tindakan
Bahagian luar ketuhar terlalu panas semasa operasi.	Tiada ruang pengudaraan yang mencukupi untuk ketuhar. Terdapat outlet ekzos/pengambilan di bahagian depan dan belakang ketuhar untuk pengudaraan	Kekalkan jarak yang ditentukan dalam panduan pemasangan produk.
	Objek berada di atas ketuhar.	Alihkan semua objek di atas ketuhar.
Pintu tidak boleh dibuka dengan betul.	Sisa makanan tersangkut di antara pintu dan bahagian luar ketuhar.	Bersihkan ketuhar dan kemudai buka pintu.
Ketuhar tidak memanas.	Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan yang sedang dimasak, atau perkakas memasak yang tidak patut sedang digunakan.	Letakkan secawan air di dalam bekas selamat-gelombang mikro dan hidupkan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa jika air itu dipanaskan. Kurangkan bilangan makanan dan mulakan fungsi semula. Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah yang rata.
Pemanasan adalah lemah atau lambat.	Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan yang sedang dimasak, atau perkakas memasak yang tidak patut sedang digunakan.	Letakkan secawan air di dalam bekas selamat-gelombang mikro dan hidupkan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa jika air itu dipanaskan. Kurangkan bilangan makanan dan mulakan fungsi semula. Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah yang rata.
Fungsi pemanasan tidak berfungsi.	Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan yang sedang dimasak, atau perkakas memasak yang tidak patut sedang digunakan.	Letakkan secawan air di dalam bekas selamat-gelombang mikro dan hidupkan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa jika air itu dipanaskan. Kurangkan bilangan makanan dan mulakan fungsi semula. Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah yang rata.
